

# Mahathir pertahan Mahaleel



DR. MAHATHIR MOHAMAD... semalam.

Oleh JOHARDY IBRAHIM

um- 6/7/2005

**K**UALA LUMPUR 5 Julai — Penasihat Proton Holdings Bhd., Tun Dr. Mahathir Mohamad mempertahankan Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO), Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff yang dianggapnya berhak melindungi syarikat pembuat kereta nasional itu daripada terus dikritik.

Bercakap di satu sidang akhbar khas yang dihadiri ramai pemberita, bekas Perdana Menteri itu menegaskan, tindakan Tengku Mahaleel adalah wajar.

Dr. Mahathir menemu pemberita berikutan pertemuannya dengan Pengerusi Proton, Datuk Azlan Hashim, semalam, selepas Tengku Mahaleel mencetuskan kontroversi dengan mengkritik dasar automotif kerajaan pada minggu lalu. (Lagi berita di muka 5)

Antara perkara penting yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir adalah:

- Tiada langkah untuk mengetepikan Tengku Mahaleel sebagai CEO dan juga tiada pengeluaran surat tunjuk sebab diberikan kepadanya, seperti yang dilaporkan secara meluas dalam media sejak beberapa hari lalu.

- Menjawab pelbagai kritikan termasuk daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz bahawa Proton mencatatkan prestasi eksport yang buruk.

Dr. Mahathir yang mengilhamkan kewujudan Proton yang kini berusia 20 tahun berkata, Proton tidak membuat penipuan pengisytiharan seperti kereta-kereta Korea Selatan di Malaysia walaupun ketika mengalami kerugian semasa mula-mula memasuki pasaran United Kingdom (UK).

Katanya, beliau telah beberapa kali meminta Rafidah untuk memeriksa mengenai perbuatan penipuan perisytiharan harga oleh kereta-kereta Korea Selatan sejak

■ Lihat muka 4

## Mahathir pertahan Mahaleel

semasa beliau menjadi Perdana Menteri dan terkini, tiga bulan lepas.

Beliau berkata, semasa Proton memilih untuk mencatatkan kerugian di UK pada waktu itu, langkah tersebut bukanlah hasrat untuk rugi buat selama-lamanya.

Mengulas lagi mengenai pendiriannya terhadap Tengku Mahaleel, Tun Dr. Mahathir berkata: "Beliau (Tengku Mahaleel) bertanggungjawab membetulkan maklumat yang salah (mengenai Proton). Apa yang dikatakan mengenai Proton adalah salah, (jadi) seorang CEO yang baik mestilah mempertahankan Proton.

"Begitu juga Pengerusi, tetapi Pengerusi merasakan mahu menggunakan kaedah lain, tidak mengapa. Tetapi Proton sudah memberi taklimat penuh kepada Perdana Menteri dan Kabinet dan maklum balas daripada Perdana Menteri mengenai Proton adalah sangat positif.

"Isu-isu negatif hanya timbul kebelakangan ini," katanya.

Kontroversi itu timbul apabila Tengku Mahaleel dalam satu wawancara dengan akhbar berbahasa Cina, *Oriental Daily*, menyatakan Proton diberi layanan tidak adil oleh kerajaan di bawah satu dasar yang tidak telus.

Kata Tengku Mahaleel, Malaysia berada dalam masalah serius kerana belum tahu cara untuk memajukan projek kereta nasional walaupun ia telah dimulakan lebih 20 tahun lalu.

Ditanya sama ada cara Tengku Mahaleel bercakap kepada media (*Oriental Daily*) sebagai cara terbaik melindungi Proton, Dr. Mahathir berkata, kritikan dan tuduhan mengenai Proton telah dibuat di dalam media.

"Orang ramai telah membaca mengenainya. Jika kita berbisik, tiada siapa tahu. Mengatakan hanya 7,000 kereta Proton dieksport, adalah salah. Maka itu perlu diperbetulkan. Kerana itu kena pergi ke media juga. Kalau tak sebut pasal bilangan tak mengapa," katanya.

Dr. Mahathir berkata, Azlan tidak menyatakan apa-apa mengenai langkah untuk mengeneipkan Tengku Mahaleel.

Mengenai spekulasi bahawa Tengku Mahaleel telah diminta untuk berhenti, Dr. Mahathir berkata: "Beliau (Tengku Mahaleel) tidak memberitahu saya bahawa beliau telah diminta (berbuat demikian).

"Dan Azlan tidak juga memberitahu saya bahawa beliau telah memintanya (Tengku Mahaleel untuk berhenti). Sejauh yang saya tahu, Mahaleel tidak diminta untuk berhenti," kata Dr. Mahathir.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempengerusikan mesyuarat Khazanah Nasional Bhd., cabang pelaburan kerajaan yang memiliki lebih 42 peratus kepentingan Proton, menyatakan bahawa tiada keputusan dibuat untuk mengetepikan Tengku Mahaleel.

Jumaat lalu, media melaporkan Tengku Mahaleel telah diberikan surat tunjuk sebab kerana mengkritik dasar automotif kerajaan dan beliau telah diberikan satu minggu untuk menjawab surat itu.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mempertahankan Tengku Mahaleel, 'tetapi melindungi Proton seperti yang dijangkakan sebagai seorang penasihat.'

"Tanggungjawab saya ialah memastikan Proton mendapat layanan yang adil," katanya.